

08/05/2001

Melayu wajar buang budaya lihat keburukan

DATUK Mokhzani Mahathir, 40, tiba-tiba mendapat perhatian umum sejak beliau mengumumkan pengundurannya daripada sektor korporat.

Beliau yang memiliki 12.6 peratus kepentingan langsung dalam Tongkah Holdings Bhd dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings Bhd sebelum pengunduran itu, mengakui keputusan berkenaan diambil kerana kecewa dengan tohmahan pihak yang tidak bertanggungjawab memburukkan namanya dan bapanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mokhzani, lulusan Kejuruteraan Petroleum, dilahirkan pada 13 Januari 1961 di Alor Star, Kedah. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Iskandar, Alor Star sebelum meneruskan pengajian di Maktab Rendah Sains Mara, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Ketika beliau menuntut di luar negara, Dr Mahathir sudah menjadi Perdana Menteri dan secara tidak langsung, Mokhzani sering menjadi `jurucakap kerajaan' dalam memperjelaskan isu yang berlaku dalam negara.

Sekembalinya ke tanah air sekitar 1986, beliau bertugas sebagai Jurutera Operasi di syarikat Shell. Hanya pada 1990, beliau menamatkan perkhidmatan dengan Shell dan menyertai sektor korporat.

Penolong Bendahari Pemuda Umno Malaysia itu juga adalah Pengerusi Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan (YGBK).

Ikuti temu bual Penulis Khas Berita Harian (BH), Azhar Abu Samah dan Khairul Anwar Rahmat, dengan beliau yang menyentuh pelbagai isu semasa, termasuk pengundurannya dari dunia korporat dan politik.